

Tamadun China: Penerimaan dan Sumbangan Kepada Sains Islam

Mohamad Fauzi Mohd Esa, Muhammad Syukri Abdul Samad, & Siti Suhaila Ihwani

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Suggested Citation:

Mohd Esa, Mohamad Fauzi; Abdul Samad, Muhammad Syukri; Ihwani, Siti Suhaila (2018). Sumbangan Tamadun China: Penerimaan dan Sumbangan Kepada Sains Islam in *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018* pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 241-250. ISBN: 978-967-2171-28-7.

Abstract

Tamadun China mempunyai kesan sejarah yang tersendiri kerana ilmu dan hasildari penyelidikan serta penciptaan yang menakjubkan. Agama, fahaman serta kepercayaan merupakan antara aspek penting dalam masyarakat China kerana mereka mengganut pelbagai aliran agama yang berkait rapat dengan tradisi dan adat. Masyarakat China mempunyai fahaman yang berbeza dengan berpandukan ahli falsafah mereka yang wujud pada waktu itu. Pengaruh tamadun China turut menyumbang kepada perkembangan keagungan sains Islam yang masih diguna pakai sehingga kini. Artikel ini membincangkan tentang beberapa penerimaan dan sumbangan besar tamadun China dalam sains Islam. Kata kunci: Tamadun China, Sains

References

- Abu Yazid, Afifah. (2006). *Pengajian Tamadun Asia* (Edisi ke-2 ed.). Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Bakar, Osman. (1998). *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophy of Science*. Kuala Lumpur: Inst. For Political Research.
- Gernet, Jacques. (1996). *A History of Chinese Civilization*. London: Cambridge University Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Ciri Orang Kafir dan Munafiq*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran pada 2hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Mad. Aros, Azhar. (2004). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Selangor: Fajar Bakti.
- Mansor, Suffian. (2003). *Tamadun China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mi, Shoujiang, & You, Jia. (2004). *Islam in China*. T.T.: Chinese Intercontinental Press.
- Morton, W. Scott. (1995). *China: It's History and Culture*. New York: McGraw Hill.
- Sundara Raja, Sivachandralingam, & Letchumanan, Ayadura. (1999). *Tamadun Dunia: Siri Sejarah Fajar Bakti*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Wang, Gungwu. (1997). *The Chineseness of China, Selected Essays*. Hong Kong: Oxford University Press.

17

TAMADUN CHINA: PENERIMAAN DAN SUMBANGAN KEPADA SAINS ISLAM

Mohamad Fauzi Mohd Esa
Muhammad Syukri bin Abdul Samad
Siti Suhaila bte Ihwani

Abstrak

Tamadun China mempunyai kesan sejarah yang tersendiri kerana ilmu dan hasildari penyelidikan serta penciptaan yang menakjubkan. Agama, fahaman serta kepercayaan merupakan antara aspek penting dalam masyarakat China kerana mereka mengganut pelbagai aliran agama yang berkait rapat dengan tradisi dan adat. Masyarakat China mempunyai fahaman yang berbeza dengan berpandukan ahli falsafah mereka yang wujud pada waktu itu. Pengaruh tamadun China turut menyumbang kepada perkembangan keagungan sains Islam yang masih diguna pakai sehingga kini. Artikel ini membincangkan tentang beberapa penerimaan dan sumbangan besar tamadun China dalam sains Islam.

Kata kunci: *Tamadun China, Sains*

PENDAHULUAN

Terdapat hadis Nabi SAW yang menyuruh umat Islam menuntut ilmu walaupun sampai ke negeri China. Hadis ini seolah-olah menggambarkan bahawa tamadun China juga merupakan tamadun yang tidak kurang penting berperanan besar untuk menyumbang kepada tamadun dunia. Hadis tersebut menjelaskan (Al-Bayhaqi, 2003: 1543; Al-Bazzar, 2009: 95):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: " طَلُّبُوا الْعِلْمَ
وَلَوْ بِالصَّيْنِ، فَإِنَّ طَلَبَ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ."

Maksud: *Anas bin Malik berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Belajarlah walaupun sampai ke negeri China. Hal ini kerana belajar ilmu itu wajib bagi setiap Muslim."*

(*Al-Bayhaqi dan al-Bazzar*)

Negara China atau dikenali sebagai Tanah Besar China terletak di Asia Timur dan berada di sebelah lautan Pasifik (Abu Yazid, 2006). Ia adalah sebuah negara berkebudayaan kuno yang berusia hampir 5000 tahun. Dengan keluasan daratan 9.6 juta km persegi, China tersenarai dalam peta dunia sebagai salah sebuah negara yang paling ramai bilangan penduduknya. Dianggarkan satu perlima penduduk dunia ada di sini dengan 56 buah etnik besar yang mengamalkan budaya dan adat kebiasaan masing-masing.

Negara China mempunyai keunikan tersendiri daripada pelbagai aspek pertumbuhan serta perkembangan melalui dinasti-dinasti yang muncul dan saling bersilih berganti yang membawa dari sistem republik serta dengan pengaruh komunisnya. Penguasaan kuasa oleh negara luar seperti Mongol, Muslim serta Barat tidak kurang sumbangannya terhadap tamadun-tamadun ini. Antara aliran falsafah pemikiran seperti Konfusianisme dan Taosisme, Sistem Peperiksaan Awam, penciptaan kertas, bahan letupan, teknologi perkapalan dan lain-lain lagi.

ASAL USUL TAMADUN CHINA

Zaman awal tamadun China bermula sejak tahun 2000 S. M. dengan pembentukan dinasti paling awal daripada kebudayaan Neolitik Lembah Sungai Hwang Ho (Sundara Raja & Letchumanan, 1999). Terdapat ramai sejarawan yang mendakwa dinasti pertama ialah Dinasti Shang. Antara bandar-bandar utama yang paling tua di China terletak di Changan dan Loyang yang muncul sejak Dinasti Shang.

Tamadun awal seperti tamadun Mesir bergantung pada Sungai Nil, Babylon kepada Sungai Tigris, tamadun India pula kepada Sungai Gangga membuktikan bahawa proses kehidupan manusia bermula dengan adanya keperluan seperti air sebagai penyambung hayat untuk kegunaan manusia tetapi turut diguna oleh haiwan peliharaan (Abu Yazid, 2006). Tamadun China juga didorong oleh faktor yang sama seperti sungai atau sumber air di mana bermulannya tamadun di sungai Hwang Ho.

KEDUDUKAN ZAMAN PADA TAMADUN CHINA

Dalam membincangkan tentang sedikit latar belakang tamadun China, empat zaman merupakan zaman penting tamadun China tersebut, iaitu Dinasti Shang (zaman awal), Dinasti Chin (zaman agung), Dinasti Song (zaman perubahan kuasa), dan Zaman Moden (zaman akhir).

Dinasti Shang (Zaman Awal)

Kemunculan dinasti antaranya seperti Shang Hsia dan Chou yang menggunakan sistem pemerintahan beraja yang bersifat feudal. Sistem ini dibuat berdasarkan peperangan yang merupakan antara ciri utama pada tahap ini. Dengan itu, maka terbitlah falsafah Konfusiusme, Legalisme, Taoisme, dan The Hundred School of Thoughts (Gernet, 1996).

Dinasti Chin (Zaman Agung)

Pada zaman ini, ianya dimulakan dengan Dinasti Chin, Tang dan Han. Peringkat ini juga dikenali juga sebagai zaman tahap kemuncak dalam tamadun China kerana pencapaiannya yang menakjubkan dalam pelbagai bidang seperti, kesusasteraan, sains hayat, pentadbiran, pendidikan agama, dan sebagainya (Mansor, 2003; Gernet, 1996).

Dinasti Song (Zaman Perubahan Kuasa)

Selepas kedatangan serta pencerobohan orang Gazar ke atas China, bermulanya zaman pertengahan (Dinasti Song). Orang Monggol menguasai China pada abad ke-13 semasa pemerintahan Dinasti Song. Pada abad ke-15, Dinasti Ming kembali berkuasa ke atas Negara China. Selepas itu, Negara China sekali lagi diperintah oleh orang asing (Manchu) (Mad. Aros, 2004).

Zaman Moden (Zaman Akhir)

Zaman terakhir pada tamadun ini adalah zaman moden yang merupakan zaman cabaran kepada negara China. Ianya bermula dengan pengaruh barat meresap ke dalam tamadun China pada tahun 1839 sehingga 1842. Semasa peperangan Candu, Negara Barat mengalahkan China. Orang barat memperkenalkan konsep "Most Favored Nation" China dengan mengadakan pemulihan negara dengan melancarkan "Gerakan Memperkuat Diri" pada tahun 1861 sehingga tahun 1895 dan "Reformasi Seratus Hari" pada tahun 1898 tetapi gagal (Mansor, 2003).

KEPERCAYAAN DAN FALSAFAH

Antara keunikan, kekebalan dan kekentalan sesebuah tamadun konsep kepercayaan mereka banyak dipengaruhi oleh tamadun-tamadun lain. Dengan itu, lahirnya pelbagai aliran falsafah seperti Konfusianisme, Taoisme, Legalisme, Mo-Tzu dan Humanisme (Mad. Aros, 2004). Warisan sistem ini sangat memberi kesan kepada perkembangan tamadun China sehingga kini.

Konfusianisme lahir pada tahun 551 SM yang diasaskan oleh Kong Fu Tze. Asas dalam ajaran falsafah ini lebih kepada meningkatkan moral dan etika manusia. Nilai ajaran Konfusianisme berkait dengan tingkah laku manusia, nilai kekeluargaan serta penghormatan kepada nenek moyang.

Taoisme atau Daoisme diterbitkan melalui buku “The Way and Virtue” yang diinspirasi oleh Lao Tze, beliau berpendapat manusia bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengembalikan keseimbangan dalam keharmonian hidup selepas beliau menganggap dunia manusia adalah buruk. Taoisme juga memegang aspek dualism dengan berpegang kepada konsep Yin dan Yang.

Legalisme pula dicetuskan oleh ahli falsafah bernama Hsun-Tzu. Beliau berpendapat ajarannya tidak hanya menekankan moral sahaja, tetapi membuat pendekatan pentadbiran yang pragmatik. Undang-undang yang ketat mestilah menjadi asas kepada sesebuah pembinaan dalam pemerintahan. Dengan berasaskan pendidikan, manusia mampu mengawal keinginan dan emosi untuk mengelakkan kewujudan konflik sesama manusia.

Mo-Tzu merupakan ahli falsafah yang hadir dalam Dinasti Chou. Mo-Tzu menekankan konsep persamaan taraf serta “universal love”. Dia berpendapat bahawa sesebuah kerajaan perlu dipimpin oleh orang yang mempunyai kebolehan. Ajaran ini menentang sikap bermewah-mewahan, lebih kepada amalan berjimat cermat disertai dengan perayaan tradisi nenek moyang mereka dan juga musik.

Humanisme adalah falsafah yang menitikberatkan soal kemanusiaan. Elemen kasih dan sayang serta saling hormat menghormati merupakan kunci dalam humanisme. Antara agama dan kepercayaan orang China yang wujud pada waktu itu ialah melalui penyembahan nenek moyang, agama pembangunan akhlak, agama Nichiren Shoshu, Buddhisme, Islam, Kristian dan Atheis (Morton, 1995).

KOSMOLOGI DALAM MASYARAKAT CHINA

Konsep Tian yang merujuk kepada langit dan wujudnya syurga. Antaranya ialah percaya kepada dewa Tian (Gernet, 1996). Dewa Tian mempunyai

kuasa untuk menentukan kehidupan seseorang semasa hayatnya di dunia. Manakala, Di atau Ti merujuk kepada bumi yang melengkap konsep Tian di mana ianya bertindak sebagai pemelihara. Istilah Dao atau Tao pula merujuk kepada jalan kehidupan yang memandu manusia ke arah kebaikan. Perkataan Dao, yang diibaratkan sebagai pusat atau ibu yang melahirkan serta memupuk makhluk sejagat, iaitu digelar sebagai wanwu. Sementara, fahaman konfusianisme melihat bahawa konsep Dao sebagai satu tabiat atau perlakuan baik buruk seseorang.

Yin dan Yang yang digambarkan dengan hitam dan putih merupakan kuasa yang berlawanan dengan konsep Tian, Yin diwakili oleh lima jenis unsur, iaitu unsur air, unsur api, unsur tanah, unsur kayu dan unsur logam, iaitu wuxing. Ianya menjadi asas kepada kewujudan semua benda yang bersifat material. Kuasa Yin dan Yang dimanifestasi dengan unsur tersebut yang disifatkan sebagai proses pusingan atau putaran yang bersilih ganti tanpa pengakhiran. Perubahan yang berterusan ini diibaratkan sebagai pergerakan Dao. Tahap pencapaian keharmonian masyarakat yang paling ideal dikenali dengan perkataan Datong, iaitu 'The Grand Unity'. Datong adalah merupakan Utopia Konfusian yang diibaratkan sebagai jalan agung. Ia hanya dapat dicapai jika sesuatu objek atau sesuatu benda yang berada di dunia boleh dikongsi dengan semua pihak secara adil, tanpa pembaziran dan mesti digunakan demi kebaikan umum. Hal ini termasuk yang tua dijaga manakala yang muda dipelihara dengan tiada maksiat, mencuri, serta pemberontakan di dunia ini.

SISTEM SOSIAL MASYARAKAT CHINA

Masyarakat China mempunyai sistem sosial yang disusun secara hierarki, keharmonian sosial, penyatuan antara dua pihak, kebaikan moral serta tanggungjawab secara berkumpulan. Konsep Jen Ch'ing merupakan asas utama hubungan sosial ini yang membawa kepada sikap tanggungjawab seseorang terhadap keluarga dan masyarakat. Konsep ini dipecahkan melalui lima bahagian hubungan, iaitu suami dengan isteri, bapa dengan anak, adik beradik, pemerintah dengan rakyatnya serta hubungan kawan dengan kawan. Sistem sosial lima hubungan ini pada dasarnya tidak bertentangan dengan ciri hubungan yang diterima Islam dan budaya ini diterima juga dalam Islam. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوَأُوا وَنَصَرُوا أَوْلِيَّكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِّنْ وَلِيَّتِهِم مِّن شَيْءٍ حَتَّىٰ
يُهَاجِرُوا وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ
قَوْمِ بَيْنِكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِّثْقٌ ۖ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧٢﴾

Maksud: Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan. (72)

(Surah al-Anfal, 8: 82)

Justeru, konsep lima hubungan ini merupakan adat budaya China yang juga baik dalam ajaran Islam.

KEDATANGAN ISLAM KE NEGERI CHINA

Agama Islam sampai ke negeri China sekitar tahun 652 SM. Menurut sejarah, dua orang sahabat Nabi SAW, iaitu Saad Lebid RA dan Yusuf RA berdakwah di wilayah ini. Saad RA berdakwah di wilayah Chang Chow sementara Yusuf RA berdakwah di wilayah Guang Dong. Sehingga ke hari ini, China mempunyai 17 juta penganut Islam dan mereka terdiri daripada pelbagai bangsa. Pada ketika itu, lebih daripada 25,000 masjid dengan lebih 3,000 orang imam di China (Mi & You, 2004). Hal ini sebagai bukti bawah hidayah Allah SWT kepada masyarakat dunia khususnya kaum Cina juga sebagai manusia terpilih untuk diberikan hidayah (Jasmi, 2018).

CATATAN TENTANG ISLAM DI CHINA

Catatan tentang Islam bermula pada era Dinasti Tang zaman Maharaja Wu-Ti, wujudnya empat orang pendakwah di China yang dikenali sebagai Saad bin Abdul Qais, Kai-su yang dikenali sebagai Qais bin Hudhafah,

Wu-ai-su yang dikenali sebagai Urwah bin Abi Uthman dan Wan-ko-sso yang dikenali sebagai Abu Qais bin Al-Harith.

Pada era itu, kedatangan Sulaiman yang dipercayai dihantar oleh Hisyam bin Abdul Malik yang merupakan seorang khalifah Bani Umaiyah pada tahun 725 S. M yang mengadap Maharaja Tang Xuan Zong pada Dinasti Tang. Pada tahun 1224, Ketua Kewangan Dinasti Yuan ialah Abdul Rahman merupakan seorang yang beragama Islam. Syed Ajall iaitu Umar Shamsuddin dari Bukhara dilantik sebagai Gabenor Wilayah Yunnan (Bakar, 1998). Manakala, Syed Ali Akhbar yang menetap di Peking atau dikenali sebagai Beijing sejak abad ke-15 menceritakan bagaimana kehidupan orang Islam di seluruh China.

Antara buku yang pernah dihasilkan oleh para ilmuan pada waktu itu, ialah Liu Zhi (Wang, 1997). Beliau menghasilkan buku ilmu berkaitan dengan falsafah, tauhid, sirah Nabi Muhammad SAW dan pelbagai lagi. Karya terulung beliau dinamakan Tien Fan Hsing Li. Tien Fan Hsing Li mengandungi ilmu tentang kejadian alam, kosmologi, kejadian makhluk serta tentang keEsaan Allah SWT. Selain beliau, Ma Hua-Lung juga individu yang menjadi pemimpin masyarakat Islam di China.

Buku Ying Yai Syeng lan di hasilkan oleh individu yang bernama Cheng Ho Ma Huan. Manakala, Liu Zhi menghasilkan sebuah buku berkenaan ilmu falsafah, tauhid, sirah Nabi Muhammad SAW dan lain-lain. Tien Fang hsing li merupakan karya yang terulung dan buku ini mengandungi hal berkaitan kosmologi, kejadian alam, kejadian makhluk serta tentang keesaan Allah SWT. Ma Hua-Lung merupakan pemimpin masyarakat Islam di China yang Berjaya menjadikan Chin chi pu sebagai antara pusat perkembangan Islam.

PENERIMAAN DAN SUMBANGAN CHINA DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI ISLAM

Agama Islam di China mempunyai pelbagai sumbangan dalam pelbagai bidang antaranya bidang perubatan dan sumber bahan perubatan yang dibawa dari Arab masuk ke China. Ia juga disumbangkan melalui karya penulisan buku perubatan oleh Li Xun yang merupakan seorang beragama Islam. Buku Hui Yao yang dihasilkannya dengan menggunakan kaedah perubatan Islam (Bakar, 1998). Buku perubatan mata juga pernah dihasilkan oleh Bu Chi Fad Ben Chao Kan Mu yang turut menggunakan kaedah yang sama. Di China, selain pengghasilan buku, Li Shu Sao juga antara individu yang terawal menjalankan perniagaan perubatan Yang Fen de pada tahun 1833 hingga 1899, beliau mendirikan sebuah gedung perubatan dinamakan Sehnyang Chiejin Tan yang bertindak sebagai

farmasi. Manakala, Bai yin sheng pula mendirikan farmasi yang dinamakan Huaxi dayao fa pada tahun 1889 hingga tahun 1963. Selain itu, antara sumbangan yang penting oleh Ma yinsheng yang merupakan pakar doktor wanita pada tahun 1899 sehingga 1984. Pada tahun 1898 pula, Yang Tuan Shen merupakan individu yang mendirikan klinik kesihatan untuk bangsa Hui sehingga tahun 1953.

Selain daripada bidang perubatan, bidang matematik dan astronomi melalui kaedah perkiraan juga dibawa masuk dan dipercayai diambil dari Arab untuk dibawa ke negara China. Sorang Islam yang bernama Jamaluddin, mencipta perkiraan Xiyi Lishu dengan penggunaan kalendar Islam serta penciptaan peralatan astronomi. Beliau juga mencipta alatan seperti alat melihat cuaca, alat bumi, alat bebola langit, alat rata lengkongan dan alat curang lengkongn (Osman Bakar 1998). Manakala, dari sudut teknologi ketenteraan pada ketika itu diasaskan oleh Afendi Shamsudin, di mana beliau berjaya mencipta meriam Hui Hui dan meriam Xiyi. Dalam bidang ilmu pengetahuan pula, orang Islam menyumbang kepada pembinaan masjid dan dewan untuk membaca taman perkuburan serta seni bina yang berusnsur Islam.

Antara bidang lain yang disumbangkan oleh ilmuan Islam ialah bidang pembinaan kapal serta teknik pelayaran. Ekspedisi pelayaran mereka melentasi pelbagai lautan termasuklah Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Bidang pelayaran tersebut menerangkan tentang kemahiran teknik berlayar dan dari sudut pembuatan sebuah kapal. Dengan adanya bidang seperti ini maka lahirlah bidang lain yang berkait dengan ilmu pelayaran seperti ilmu astronomi, kaedah kompas serta kaedah mengukur kedalaman air laut.

PENUTUP

Tamadun China mempunyai ciri yang tersendiri dan ianya mempunyai keunikan tersendiri jika dibandingkan dengan tamadun lain di Asia kerana ia sangat berkait rapat dengan aliran falsafah mereka. Bidang sains dan teknologi merupakan antara bidang yang maju di negara China. Sumbangan ilmuan dari negara ini merupakan salah satu sumber kejayaan yang dicipta dalam tamadun mereka. Negara Asia lain boleh menjadikan Negara China sebagai panduan dan contoh yang baik terhadap pembangunan teknologi seiring dengan sejarah islam yang lalu. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda bahawa “Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri China.”

RUJUKAN

Abu Yazid, Afifah. (2006). *Pengajian Tamadun Asia* (Edisi ke-2 ed.). Kuala Lumpur: PTS Professional.

- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Bakar, Osman. (1998). *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophy of Science*. Kuala Lumpur: Inst. For Political Research.
- Gernet, Jacques. (1996). *A History of Chinese Civilization*. London: Cambridge University Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Ciri Orang Kafir dan Munafiq*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran pada 2hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Mad. Aros, Azhar. (2004). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Selangor: Fajar Bakti.
- Mansor, Suffian. (2003). *Tamadun China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mi, Shoujiang, & You, Jia. (2004). *Islam in China*. T.T.: Chinese Intercontinental Press.
- Morton, W. Scott. (1995). *China: It's History and Culture*. New York: McGraw Hill.
- Sundara Raja, Sivachandralingam, & Letchumanan, Ayadura. (1999). *Tamadun Dunia: Siri Sejarah Fajar Bakti*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Wang, Gungwu. (1997). *The Chineseness of China, Selected Essays*. Hong Kong: Oxford University Press.

